

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 18 MEI 2016

KERATAN AKHBAR

Rabu, 18 Mei 2016 BH

# RAKYAT

(GAMBAR HIASAN)



Empangan Timah Tasoh di Perlis.

## Mesyuarat selaras urus sumber air Pusat, negeri

➔ Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air tubuh jawatankuasa kajian bulan depan

**Oleh Mohd Azrone Sarabatin, Norakmah Mat Youb dan Ahmad Suhael Adnan**  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**P**enyelarasan pengurusan sumber air antara Kerajaan Persekutuan dan negeri akan dibincangkan pada mesyuarat Majlis Sumber Air Negara, minggu depan.

Mesyuarat yang dijadual pada 26 Mei ini, akan disertai beberapa kementerian serta kerajaan negeri.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili, berkata mesyuarat akan menyentuh pelbagai perkara, termasuk penentuan peranan Kerajaan Persekutuan dan negeri di kawasan kelabu berhampiran empangan bagi menyelesaikan pertindihan kuasa berhubung pengurusan air.

**Persoalan timbul di kawasan kelabu seperti kawasan takungan air berhampiran sungai dan empangan, siapa yang bertanggungjawab**

**Maximus Ongkili,**  
Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

"Air dalam sungai di bawah kuasa negeri dan terpolung pada mereka bagaimana mahu menguruskannya.

"Apabila air memasuki empangan, ia menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

"Bagaimanapun, persoalan timbul di kawasan kelabu seperti kawasan takungan air berhampiran sungai dan empangan, siapa yang bertanggungjawab.

**Main peranan lebih besar**

"Kami mencadangkan Kerajaan Persekutuan memainkan peranan lebih besar bagi memastikan sumber air terus menjadi aset penting negara dan (negeri) perlu berkompromi," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, semalam.

Maximus berkata, kementeriannya akan menubuhkan sebuah jawatankuasa kajian bulan depan bagi menangani isu air, termasuk perancangan jangka panjang untuk sumber air negara.